

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	4 December 2015



Hishammuddin dan Khairy Jamaluddin melihat pameran selepas merasmikan **Akademi Kepimpinan Kapten Hussein** (AKHI) di Kelana Jaya, malam tadi. [FOTO SADDAM YUSOFF/BH]

'PM bukan penakut' BH-4/12/2015

Petaling Jaya: Kontroversi dan serangan dilancarkan terhadap Datuk Seri Najib Razak tidak membuatkan Perdana Menteri berada dalam keadaan ketakutan seperti tanggapan sesetengah pihak.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata Najib adalah seorang pemimpin yang berani dan bijaksana.

"Saya percaya Najib bukan seorang yang penakut, seba-

liknya Perdana Menteri adalah seorang yang berani. Saya tidak rasa beliau takut dengan sesiapa pun.

"Malaysia masih mampu bertahan dan kukuh kerana keberanian dan kebijaksanaan

kepemimpinan Perdana Menteri kita," katanya pada sidang media selepas merasmikan Akademi Kepimpinan Kapten Hussein (AKHI), di sini, yang turut dihadiri Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin, malam tadi.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan penulis blog, Datuk A Kadir Jasin bahawa beliau tidak pernah melihat Najib dalam keadaan ketakutan seperti sekarang.

Tingkat daya saing

Terdahulu dalam ucapannya, Hishammuddin berharap AKHI mampu melahirkan barisan kepemimpinan UMNO yang berdaya saing bagi mempertahankan wadah perjuangan parti dan negara pada masa depan.

Beliau juga berharap AKHI akan menjadi pusat latihan yang mampu melahirkan pemimpin muda UMNO yang memahami ideologi, wadah dan matlamat sebenar perjuangan parti.

"Kita berharap pemimpin yang bakal dilahirkan nanti berani menyuarakan kebenaran walaupun ia pahit untuk ditelan," katanya.